

UNIT 4



SEJARAH TEMPAT TINGGAL



NOTA EFEKTIF

Di Sinilah Saya Tinggal

- Setiap kawasan tempat tinggal mempunyai alamat.
- Maklumat yang ada pada alamat ialah nombor rumah, nama jalan, poskod, nama bandar dan nama negeri.
- Setiap kawasan tempat tinggal memiliki kemudahan dan keistimewaan tersendiri.

Kawasan Tempat Tinggal Saya

- Setiap kawasan tempat tinggal mempunyai bentuk muka bumi yang berbeza-besa seperti kawasan tanah tinggi, tanah pamah, pesisir laut dan pinggir sungai.
- Bentuk muka bumi mempengaruhi kegiatan masyarakat dan mempunyai keunikannya tersendiri.

Sejarah Tempat Tinggal

- Setiap kawasan tempat tinggal mempunyai sejarah yang tersendiri.
- Sejarah tempat tinggal menceritakan asal usul nama tempat dan peristiwa penting yang pernah berlaku.

Tokoh Setempat

- Tokoh setempat bermaksud individu yang banyak menyumbang jasa dan bakti kepada komuniti.
- Mereka dikenali oleh penduduk setempat dan biasanya memegang jawatan tertentu dalam komuniti.